



Koperasi
**KOPERKASA
SARAWAK BERHAD**
since 1949

UCAPAN KHAS SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI DARIPADA PENGERUSI KOPERKASA

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
& Salam Sejahtera*

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita sekali lagi dapat menyempurnakan ibadah puasa dan seterusnya akan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba tidak lama lagi dengan penuh kegembiraan serta kesyukuran.

Aidilfitri bukan sahaja hari kemenangan, tetapi juga masa untuk kita mengeratkan silaturrahim dan memperkukuhkan ukhuwah sesama kita. Dalam semangat hari yang mulia ini, marilah kita terus bersatu padu dalam mengembangkan koperasi kita, demi manfaat bersama.



Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua anggota atas sokongan dan komitmen yang telah diberikan selama ini. Kemajuan yang tercapai oleh koperasi ini adalah hasil usaha bersama, dan saya yakin dengan semangat muafakat, kita mampu melangkah lebih jauh dan mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

Marilah sama-sama kita jadikan Aidilfitri ini sebagai satu peluang untuk memperbaiki hubungan, menghulurkan kemaafan dan terus berusaha dalam membawa manfaat kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

Semoga Aidilfitri kali ini, membawa keceriaan, kebahagiaan dan kesejahteraan kepada kita semua bersama-sama keluarga yang tersayang.

Akhir kata, saya **Fathi Bin Haji Hambali** selaku **Pengerusi Koperkasa** mewakili Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, Para Perwakilan dan seluruh warga kerja Koperkasa mengucapkan:


Selamat
Aidilfitri
Maaf Zahir dan Batin



SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI MAAF ZAHIR & BATIN



Ikhlas daripada,
Anggota Lembaga Koperkasa



Ahmad Bin Malie JBK, PBK, PPS
SETIAUSAHA



Mohamad Adzman Bin Abdullah
BENDAHARI



Raden Amri Bin
Raden Othman
ALK



Haji Omar Bahrein
Bin Unin ABK
ALK



Yong Ing Thung PPB
ALK



Richard Engan Ang
ALK



Cr. Othman Bin
Bujang BBS
ALK



Ir. Zaidi Bin Pathi PPB
ALK



Dr. Abdoll Kader Bin
Osman BBS
ALK



Ramzi Bin Gusti
ALK



Abang Hadera Bin
Haji Lee
ALK